



KOLEJ PROFESIONAL MARA INDERA MAHKOTA
LOT NO : 14687, JALAN SUNGAI LEMBING,
25200 KUANTAN, PAHANG.



Tel : 09-5736304 / 6346
Faks : 09-5736423
Laman Web : www.kpmim.edu.my

No. Ruj Kami: KPM/KTN/HEP C3 JILID 4 (100)
Tarikh : 22 Oktober 2020
05 Rabiulawal 1442H

Semua Pelajar Kanan
Kolej Profesional MARA Indera Mahkota

Tuan / Puan,

**MAKLUMAN PENDAFTARAN PELAJAR KANAN (PELAJAR SEMESTER 2 DAN KE ATAS)
KPM INDERA MAHKOTA (KPMIM) SESI 3/2020 AMBILAN NOVEMBER**

Perkara di atas dengan segala hormatnya adalah dirujuk.

2. Merujuk kepada memo Bahagian Pendidikan Tinggi MARA bertajuk 'Pendaftaran Pelajar Di Kolej Profesional MARA Sesi 3/2020 Ambilan November Sepanjang Dalam Tempoh Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan (PKPP)' bertarikh 16 Oktober 2020, sesi pendaftaran serta pengajaran dan pembelajaran pelajar Diploma dan Insentif Bahasa Inggeris KPM bagi Sesi 3/2020 Ambilan November akan dilaksanakan secara dalam talian di semua KPM.

3. Bagi pelajar yang tinggal di kawasan yang diwartakan sebagai Zon Merah, Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) atau Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan Bersasar (PKPDB) oleh pihak Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) serta Majlis Keselamatan Negara (MKN), **pelajar DILARANG UNTUK MEMASUKI ATAU MENINGGALKAN** kawasan berkenaan mengikut tarikh yang telah diwartakan. Maklumat pewartaan kawasan yang terlibat sentiasa dikemaskini dari semasa ke semasa dan boleh diperolehi melalui aplikasi MySejahtera atau aplikasi Telegram CPRC Kementerian Kesihatan Malaysia.

4.0 Bersama - sama ini disertakan Garis Panduan Proses Pendaftaran Pelajar Kanan Kolej Profesional MARA dan beberapa maklumat penting berkaitan dengan pendaftaran sesi 3/2020 Ambilan November untuk maklumat dan tindakan semua pelajar kanan:

4.1 Tatacara Pendaftaran Pelajar Kanan

- 4.1.1 Pendaftaran serta pengajaran dan pembelajaran (PdP) pelajar kanan bagi Sesi 3/2020 Ambilan November adalah secara dalam talian sepenuhnya. Pelajar yang masih kekal di kolej juga akan mengikuti sesi PdP secara dalam talian.
- 4.1.2 Pelajar boleh merujuk Ketua Jabatan atau Mentor masing-masing untuk maklumat lanjut berkaitan sesi pengajaran dan pembelajaran (PdP).
- 4.1.3 Pautan sistem pendaftaran kursus <https://kpmim.ik-one.biz/mentee/index.php> dibuka mulai 06 November 2020 (mulai 11.00 pagi) sehingga 07 November 2020 (tutup 11.59 malam).

4.2 Pembayaran Yuran Semester

- 4.2.1 Pelajar kanan dikehendaki membuat bayaran Yuran Semester secara dalam talian (online) menerusi perkhidmatan bayaran elektronik MARAeps di <https://bayar.maraeps.my>. (Rujuk Garis Panduan Pendaftaran Pelajar Kanan KPM : Perkara 2 hingga 6)

4.3 Pembayaran Yuran MUFAKAT

- 4.3.1 Hanya pelajar semester 4 (Ambilan Oktober 2019) sahaja yang perlu membayar yuran Muafakat pada sesi 3/2020.
- 4.3.2 Pembayaran perlu dibuat melalui akaun bank CIMB atas nama **Badan Pemuaafakatan Pendidikan MARA Malaysia (Muafakat) Cawangan KPM Indera Mahkota - 8005363314.**
- 4.3.4 Bukti pembayaran perlu dimuatnaik melalui link <http://forms.gle/YXYEuLLeSjnkCx6>.

4.4 Elaun Sara Hidup

- 4.4.1 Pihak MARA masih membayar elaun sara hidup bulanan kepada pelajar yang mengikuti pengajian peringkat Diploma.
- 4.4.2 Sila berhubung dengan Pn. Nurul Aini binti Zainun [Pembantu Tadbir Hal Ehwal Pelajar] di talian 09-573 6304 sambungan 106, sekiranya terdapat sebarang permasalahan berkaitan dengan elaun pelajar.

4.5 Penjagaan Keselamatan dan Kesihatan

- 4.5.1 Sila patuh kepada arahan kawalan keselamatan kawalan pencegahan penularan wabak Covid-19 yang telah digariskan oleh Majlis Keselamatan Nasional (MKN) dan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM).

5.0 Sila rujuk laman sesawang kolej di www.kpmim.edu.my, Facebook (Media KPMIM) dan Instagram (media_kpmim) untuk maklumat lanjut dari semasa ke semasa. Kerjasama semua pelajar berhubung perkara ini amat dihargai.

Sekian, terima kasih.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”
“LUAR BANDAR SEJAHTERA”

Saya yang menjalankan amanah,


HJ. SUWANDI BIN SANUSI
Pergarah
Kolej Profesional MARA Indera Mahkota
Kuantan